

NAZIRAH MAT NOOR  
154, K.G. TENGAH,  
KUALA PERLIS,  
PERLIS.  
19-10-76

RINGKASAN  
SEJARAH MALAYSIA  
MODEN 1

Nazirah

Mat Noor

N



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

siri lulus peperiksaan

# RINGKASAN SEJARAH MALAYSIA MODEN 1

unit pengajian sejarah  
adabi  
Na



BALAI  
PENERBITAN  
ADABI  
KOTA BHARU



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Balai Penerbitan Adabi  
3535-B, Jalan Kuala Krai  
KOTA BHARU, KELANTAN

© KUMPULAN ADABI SDN. BHD.  
HAK PENERBIT TERPELIHARA

edisi pertama 1974

Pengedar Tunggal.  
Unit Pemasaran Adabi  
3535-B, Jalan Kuala Krai  
Kota Bharu, Kelantan.

Dicetak oleh Balai Penerbitan  
Adabi



# kandungan

## Prakata

- 1 Penubuhan Pulau Pinang 1
- 2 Penubuhan Singapura 16
- 3 Negeri-negeri Selat 26
- 4 Hubungan Inggeris-Siam Dan Negeri-negeri Melayu 39
- 5 Pemindahan Kuasa 54





PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

## prakata

Dalam buku kecil ini yang merupakan nota, fakta dan ulasan kami tumpukan perhatian kepada analisa atas fakta dari masa penubuhan Pulau Pinang sehingga kepada Pemindahan Kuasa pada tahun 1867. Ini termasuklah tajuk-tajuk tentang Stamford Raffles dan Pembukaan Singapura serta Perhubungan Inggeris dengan Siam. Ini penting bagi menyenangkan pembacaan, pemahaman dan proses mengingat bagi menghadapi peperiksaan.

Adalah diharapkan buku kecil ini dapat memandu pelajar-pelajar semua bagi menghadapi peperiksaan. Malahan segala analisa atas segala fakta adalah bertujuan untuk menyenangkan pelajar-pelajar menjawab setiap soalan yang mungkin keluar berhubung dengan Sejarah Malaysia.

Unit Pengajian Sejarah Adabi.

Drs. Abd. Rahman Muhammad

M.A. (Gajah Mada).

Hashim Mohd. Noor

B.A. (Malaya).

Abd. Aziz Mohammad

B.A. (Malaya).

Rashid Adam

(Universiti Malaya).

Zakiah Awang

(Universiti Malaya).

Kota Bharu Mac, 74.





PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# 1

## PENUBUHAN PULAU PINANG

Suasana politik di Tanah Melayu menjelang kedatangan Inggeris amat kucar-kacir dan tidak teratur. Kegemilangan kerajaan Melayu seperti Melaka dan Johor telah lenyap. Negeri-negeri Melayu ketika ini berdiri secara berasingan. Di utara terdapat penguasaan Siam secara longgar ke atas negeri-negeri Kedah, Kelantan dan Trengganu. Kekuasaan dan pengaruh Siam ke atas negeri-negeri tersebut menjadi lebih ketat selepas peperangan di antara Siam dan Burma dalam tahun 1770an. Di bahagian selatan terdapat negeri Perak yang merdeka tetapi sering menjadi sasaran serangan dari Kedah dan campurtangan Bugis dari Selangor. Selangor sendiri diperintah oleh raja yang berketurunan Bugis. Jauh ke selatan



terdiri pula beberapa negeri Minangkabau yang masing-masingnya merdeka. Melaka ketika itu masih di tangan Belanda. Pahang pula, walaupun merupakan sebahagian daripada Empayar Johor, dikuasai oleh Bendahara Johor yang bebas dari kekuasaan Sultan Johor. Sultan Johor ketika itu berada di Riau.

Berikutan dengan kejayaan Francis Drake mengelilingi dunia, kedudukan Portugis dan Spanyol di Asia telah diketahui oleh Inggeris. Drake berpendapat bahawa kedudukan mereka tidak sekuat seperti yang disangkakan. Oleh kerana hendak menguatkan kedudukan mereka, Inggeris dan Belanda datang ke Timur. Di Timur, Inggeris dan Belanda sering bermusuhan disebabkan oleh perebutan kuasa dalam perdagangan. Permusuhan itu sampai ke kemuncaknya dengan berlakunya peristiwa pembunuhan beramal-ramal ke atas orang-orang Inggeris pada tahun 1623 di Pulau Ambon. Selepas peristiwa pahit ini Inggeris mengundurkan diri dari kepulauan Melayu dan menumpukan perhatian ke India.

## SEBAB KECENDERUNGAN INGGERIS PADA TENGGARA ASIA

Selepas peperangan tujuh tahun di antara England dan Prancis, England dapat menegakkan pertapakannya di India. Selepas kedudukannya di India menjadi tegak, Inggeris memalingkan semula perhatiannya ke Tenggara Asia. Ada beberapa faktor yang menyebabkan kecenderungan ini. Kita mengetahui bahawa aktiviti Kompeni Hindia Timur Inggeris tertumpu kepada perdagangan di antara Britain dengan India, sedangkan perdagangan Tenggara Asia berada di dalam tangan pedagang-pedagang persendirian (country traders) yang tidak mempunyai ikatan dengan Kompeni Hindia Timur, tetapi mempunyai pusatnya di India. Akan tetapi terdapat satu perdagangan yang boleh dikatakan cuma dimonopoli oleh Kompeni